



Perbadanan Labuan, Peti Surat 81245, 87022 WP Labuan

Tel : 087 408851/852 Fax : 087 431478

SIARAN MEDIA

MAJLIS PECAH TANAH TAPAK PROJEK RUMAH MAMPU MILIK OLEH YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA DI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Sesuai dengan tema “Janji Ditepati” oleh Kerajaan Barisan Nasional, satu projek perumahan akan dibangunkan di Wilayah Persekutuan Labuan yang dikategorikan sebagai Projek Rumah Mampu Milik. Semasa lawatan YAB Tan Sri Dato’ Hj Muhyiddin Yassin , Timbalan Perdana Menteri ke Wilayah Persekutuan Labuan pada bulan Oktober 2012 yang lalu, beliau telah mengumumkan bahawa satu projek perumahan akan dibangunkan untuk penduduk-penduduk di Labuan dan sejurus pengumuman tersebut, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dengan kerjasama Perbadanan Labuan telah diminta untuk mengenalpasti tapak lokasi bagi tujuan tersebut.

Bagi perkembangan ini, Perbadanan Labuan telah mengenalpasti bahawa lokasi tapak projek ini terletak di Kg Ganggarak yang melibatkan kawasan seluas kira-kira 41 ekar. Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Jabatan Perumahan Negara (JPN) merupakan dua agensi utama yang akan terlibat melaksanakan projek ini di Wilayah Persekutuan Labuan. Pelaksanaan projek akan dijalankan secara berfasa yang akan membabitkan bilangan rumah yang dibangunkan berjumlah lebih daripada 1000 unit. SPNB akan menawarkan **dua jenis rumah mampu milik iaitu rumah teres 2 tingkat (kos sederhana) dengan keluasan 22 kaki x 65 kaki sebanyak 171 unit dan rumah apartmen berkeluasan 950 kaki persegi sebanyak 768 unit.**

Bagi Projek Perumahan Rakyat (PPR) di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) , projek ini akan dilaksanakan oleh **Jabatan Perumahan Negara yang akan menyediakan 500 unit rumah pangsa 5 tingkat dengan keluasan rumah 700 kaki persegi**. Projek ini juga akan dibangunkan di Kg Ganggarak dan telah diluluskan pelaksanaannya dalam bajet 2013 yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri.

Sememangnya Kerajaan mengambil maklum akan kos pembinaan rumah di Wilayah Persekutuan Labuan adalah tinggi disebabkan bahan-bahan binaan bergantung dari luar. Walau bagaimanapun, dari aspek penetapan harga Rumah Mampu Milik ini, Kerajaan akan memastikan bahawa golongan sasaran akan dapat memiliki rumah-rumah tersebut mengikut kadar yang sewajarnya.

Sehubungan dengan itu, YAB Timbalan Perdana Menteri hari ini menyempurnakan **Majlis Pecah Tanah Projek Rumah Mampu Milik di Kg Ganggarak Wilayah Persekutuan Labuan**. Projek ini menunjukkan bahawa Kerajaan telah mengotakan janjinya kepada rakyat demi memenuhi keperluan para penduduk di Wilayah Persekutuan Labuan.

Disediakan oleh :
**Jabatan Hal Ehwal Korporat
Perbadanan Labuan**

23 Februari 2013